

Sinar Harian 17/2/2020 m/s 32
56 bubu naga dirampas di perairan Kuala Perlis

KUALA PERLIS - Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Perlis merampas 56 unit bubu naga yang dipasang di lima lokasi berbeza sekitar 0.6 dan 1.1 batu nautika dari barat daya Kuala Perlis di sini kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Nurulazme Zakariah berkata, bubu berkenaan dikesan bot peronda APMM yang sedang melakukan rondaan menerusi Op Aman kira-kira jam 4.05 petang.

"APMM memandang serius (kegiatan ini) meskipun telah banyak rampasan bubu naga dilakukan pada tahun sebelum ini.

"Mata pukat bubu naga yang kecil mengakibatkan anak-anak ikan dan udang mudah masuk ke perangkap jaring terbabit di sam-ping mampu menjelaskan habitat marin serta mengakibatkan hasil laut semakin berkurangan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, kesemua bubu

naga yang dirampas itu bernilai RM4,480 dengan anggaran RM80 seunit.

"Jika pemilik bubu naga itu ditangkap, mereka boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah tidak dibenarkan.

"Kesemua bubu naga tersebut dibawa ke jeti Zon Maritim Kua-lla Perlis dan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut," katanya. --Bernama